

KOMERSIAL KHAZANAH ILMU

Oleh Noor Azam Abdul Aziz
azam@hmetro.com.my

DUNIA pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sepanjang 2003 menyaksikan pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan untuk memperkuatkkan universiti dalam menghadapi persaingan global.

Antara program terbesar diadakan ialah Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2003, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada Oktober lalu.

• Ia membuktikan negara tidak ketandusan hasil penyelidikan berkualiti.

Dengan peruntukan RM500,000 daripada kerajaan bagi menjayakannya, ia membuka ruang kepada IPTA menampilkkan hasil penyelidikan masing-masing bagi menyuburkan kha-zanah ilmu dan komersial.

Program itu anjuran bersama Kementerian Pendidikan dan IPTA dengan Universiti Putra Malaysia sebagai Jawatankuasa Pengelola.

Walaupun berdepan dengan persai-ningan daripada universiti swasta yang tumbuh bagi cendawan selepas hujan, IPTA tetap menjadi pilihan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Sehingga Ogos tahun ini seramai

IPTA diperkuuh hadapi persaingan global

15,202 graduan empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerima ija-zah pada majlis konvokesyen ma-sing-masing dalam pelbagai bidang diceburi.

Pada pilihan raya berkenaan me-nyaksikan calon proaspirasi menyapu bersih semua kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di sembilan institusi pe-nugajian tinggi awam (IPTA) pada pilih-an raya kampus sesi 2003/2004 yang berlangsung serentak seluruh negara.

Antara cabaran besar yang perlu di-harungi mahasiswa bagi memboleh-kan mereka bersaing dalam era glo-balisasi, ialitu:

- Cabaran bagi barisan kepemimpinan mahasiswa yang perlu mena-gani dengan bijak tuntutan situasi baru dibawa globalisasi.

- Kesedaran dan keinsafan bahawa amat penting bagi seluruh rakyat di negara ini memupuk semangat patri-otisme dan jati diri kukuh serta senti-sa meletakkan kepentingan negara serta tanah air mendahului perkara lain.

- Mengakal dan mempereratkan hubungan antara kaum serta perpa-duan nasional, di samping mengam-bil tindakan sewajarnya mengatasi masalah perkauman.



PERIKSA... sebahagian pelajar universiti tempatan memeriksa spesimen haiwan dibekukan dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA 2003.



NILAI... dua siswi membuat penilaian pelan binaan.